

KUBURKANLAH SEKOLAH-SEKOLAH MELAYU!

Jangan taun terburu-buru menghamun, jangan tuan lekas marah dan hilang siuman dan jangan tuan terkejut serta jangan hairan, tatkala tuan membaca tajuk di atas itu. Tolonglah tuan fikirkan, cubalah tuan congakkan dan silalah tuan halusi keadaan sekolah-sekolah Melayu sekarang, maka sekiranya tuan puas hati dengannya dan dapati bahawa keadaannya itu patut dipertahan dan dilanjutkan, baharulah tuan berhak marah dan berang. Tetapi sebelum tuan marah dan naik berang semaklah keterangan saya dahulu, kemudian itu kalau tuan nak marah marahlah!

Saya percaya bahawa kebanyakan – kalau tidak kesemua – wali kanak-kanak itu hanyalah memasukkan anaknya ke dalam sekolah Melayu kerana tak dapat tempat dalam sekolah Inggeris ataupun kerana tak ada sekolah Inggeris di tempatnya. Mereka itu tidak boleh disalahkan, sebab sekolah-sekolah Melayu dengan keadaannya sekarang bukan sahaja tidak menjamin pekerjaan bagi anak-anak mereka apabila sudah besar, tetapi tidak membuka peluang kepada kanak-kanak itu mendapat pengetahuan dan ilmu-ilmu, kerana ilmu-ilmu tinggi itu belum lagi disalin ke dalam bahasa Melayu dan entah bila pula masanya ilmu itu akan ditulis dalam bahasa Melayu.

Seseorang bapa itu tidak boleh disalahkan apalagi hendak dimaki hamun dan dikata nusta kerana memasukkan anaknya terus ke sekolah Inggeris. Apa sebab dia mesti disalahkan pada hal dengan luas dari sekolah Melayu, anaknya itu hatta nak cara kerja makan gaji yang baik dan bermutu tak dapat, apalagi hendak menjadi seorang yang berpengetahuan tinggi. Murid-murid yang luas dari sekolah Melayu di Johor, hatta nak jadi penghulu kampung pun tak layak, kerana menurut skim yang baharu, penghulu itu dikehendaki lulus darjah tujuh sekolah Inggeris.

Dengan ini nyatalah bahawa tidak ada suatu pun, yang menggalakkan kita belajar Melayu dan masuk sekolah Melayu. Dari itu, pada fikiran saya, tak ada sebab-sebab yang mematutkan

sekolah-sekolah Melayu itu mesti dikekalkan.

Orang-orang yang dikatakan cerdik pandai, yang telah menyiasat hal kemunduran anak-anak Melayu dalam pelajaran Inggeris di antara lain-lain mengambil kesimpulan bahawa sebabnya ialah kerana anak-anak Melayu itu belajar Melayu dahulu, yakni tidak terus ke sekolah Inggeris. Begitulah kesimpulan yang diambil oleh cerdik pandai dan dengan sebab itulah dimasukkan ke dalam sekolah Melayu pelajaran bahasa Inggeris. Sepatutnya cerdik pandai itu memikirkan bagaimana cara-caranya supaya sekolah-sekolah Melayu itu ditinggikan tarafnya dengan dimasukkan ke dalamnya pelajaran ilmu-ilmu tinggi

Oleh Anak Melayu

yang berguna, bukan menyiasat sebab-sebab kelemahan dan kemunduran anak-anak Melayu dalam bahasa Inggeris. Tidakkah langkah

memasukkan bahasa Inggeris ke sekolah-sekolah Melayu sebagai memenuhi kehendak cerdik pandai itu, menguatkan pendapat saya iaitu sekolah Melayu patut dihapus dan dikuburkan?!

Tetapi adakah langkah memasukkan pelajaran Inggeris ke sekolah-sekolah Melayu itu telah menyelesaikan masalah pelajaran anak-anak kita? Tidak, bahkan sebaliknya semakin bertambah kusut lagi masalah itu. Sebabnya ialah bahasa Inggeris yang dimasukkan ke sekolah Melayu itu bukan tera mana tingginya. Hal ini akan menjadikan kanak-kanak Melayu dalam sekolah Melayu semakin lemah dalam bahasa mereka sendiri kerana terganggu dengan pelajaran bahasa Inggeris yang

sekumin itu. Jadi apakah kesudahannya? Kesudahannya ialah yang dikejar tak dapat dan yang dikandung kecaciran.

Saya percaya dan yakin bahawa memasukkan pelajaran Inggeris ke dalam sekolah Melayu lebih besar ruginya atas anak-anak kita daripada faedah dan gunanya. Sebabnya ialah kita sudah nampak bagaimana cerdik pandai itu memberi sebab-sebab kemunduran anak-anak Melayu dalam pelajaran bahasa Inggeris. Maka dengan mencampurkan kedua bahasa itu dalam sekolah Melayu bertilahlah bahawa anak-anak Melayu kita akan mundur dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris juga, yakni anak-anak kita akan menjadi setengah masak atau mentah di dalam dua bahasa itu. Kebenaran ini telah diakui oleh seorang guru Melayu yang tertua di Singapura dalam bualannya kepada saya yang mengatakan bahawa murid-murid Melayu laksana darjah tujuh sekolah Melayu sekarang sama sahaja tentang kepandaian mereka dalam bahasa Melayu dengan murid-murid laksana darjah empat dahulu.

Orang-orang Melayu sekarang hendaklah mengambil ketetapan yang muktamad, iaitu adakah hendak sekolah Inggeris atau hendak sekolah Melayu?! Kalau hendak sekolah Inggeris, terus Inggeris sahaja dan dijadikan bahasa Melayu itu menumpang dan kalau mahu Melayu terus Melayu sahaja dan jadikan bahasa Inggeris itu menumpang. Inilah ubat yang tidak ada lain lagi. Polisi pelajaran bagaimana yang ada sekarang, iaitu mengadakan sekolah-sekolah Melayu dan sekolah Inggeris adalah sangat-sangat besar bencananya, bahkan polisi itu adalah suatu jenayah atas keturunan-keturunan Melayu yang akan datang. Sebabnya ialah kerana penuntut-penuntut Melayu laksana sekolah-sekolah Melayu itu, sebagaimana yang diterangkan di atas tadi hatta kerja yang baik dan bermutu pun tak dapat, apalagi hendak mencari ilmu pengetahuan yang tinggi.

Pada pandangan saya bahawa membiarkan sekolah-sekolah Melayu bagaimana keadaannya sekarang adalah suatu jenayah yang akan menjadikan keturunan-keturunan Melayu yang akan datang suatu kumpulan manusia yang hanya layak menjadi peon-peon, drebar, dan

polis-polis biasa yang tidak berpangkat. Oleh itu lebih baiklah sekolah-sekolah Melayu itu dikuburkan sahaja.

Saya berkata demikian bukanlah dengan buta tuli atau dengan main agak dan pakai sentimen sahaja, malahan dengan penuh kesedaran dan setelah saya berfikir, menghalusi serta menimbang dengan cermat beberapa lamanya.

Mari kita sama-sama tilik jumlah kanak-kanak Melayu yang ada dalam sekolah-sekolah Melayu itu, berapa bilangan mereka itu pada tiap-tiap tahun? Dan berapa peratus pula daripada mereka itu yang berjaya meneruskan pelajaran mereka ke sekolah-sekolah Inggeris? Dan berapa peratus pula daripada murid-murid sekolah Melayu yang dihantar ke sekolah Inggeris yang berjaya dan lulus itu?

Katakanlah yang kanak-kanak Melayu dalam sekolah-sekolah Melayu di seluruh Persekutuan Tanah Melayu pada tiap-tiap tahun ada sebanyak seratus ribu, dan katakanlah lima puluh peratus dari mereka itu yang berjaya dapat masuk ke sekolah Inggeris. Maka apakah nasib yang baki itu? Kanak-kanak itu tentulah akan terus belajar dalam sekolah-sekolah Melayu hingga ke darjah yang tinggi sekali, tetapi setelah lulus dari situ apakah yang mereka akan dapat?

Ini kalau kita katakan hanya seratus ribu kanak-kanak Melayu yang dalam sekolah-sekolah Melayu, maka apa halnya kalau lebih dari itu?! Dan ini kalau lima puluh peratus yang berjaya masuk ke sekolah Inggeris, maka apa halnya kalau kurang dari itu?! Sebab inilah saya katakan bahawa membiarkan sekolah-sekolah Melayu bagaimana keadaannya sekarang adalah suatu jenayah atas keturunan-keturunan kita yang akan datang.

Dengan sebab itu lebih baiklah kita kuburkan sekolah-sekolah yang hanya akan memberikan kepada kita orang-orang yang layak menjadi peon, drebar dan sebagainya.

Saya menarik perhatian nazir-nazir sekolah Melayu di seluruh persekutuan kepada hal ini sambil berharap yang mereka itu akan mendatangkan tuntutan supaya sekolah-sekolah Melayu itu ditinggikan tarafnya dan diluaskan pelajaran-pelajaran

PAKISTAN TERDUGA

Soviet Russia hendak meruntuhkan kemerdekaan negara Islam

Dari satu ke satu masa, kesatuan Soviet menunjukkan diri sebagai musuh ketat kepada agama Islam dan orang-orang Islam. Soviet Russia telah berkali-kali menunjukkan bahawa ia ingin benar hendak menjahanamkan negara-negara Islam dan kebudayaannya. Nampaknya kesatuan Soviet itu tidak puas hati dengan menyeksakan berjuta-juta orang Islam yang nasibnya tak baik kerana terpaksa diam di negeri-negeri yang di dalam sempadan pengaruhnya dengan sebab itu, maka Soviet Russia telah menghulurkan cengkaman kuku besinya untuk menerkam negeri-negeri Islam yang merdeka dengan tujuan hendak membinasakan kemerdekaannya dan menghuruharakannya.

Perbicaraan atas empat belas orang pemimpin di Pakistan baharu-baharu ini telah menunjukkan bahawa Moscow telah menggunakan orang-orang komunis itu bagi meruntuhkan kerajaan Pakistan, iaitu sebuah kerajaan Islam yang terbesar sekali. Moscow nampaknya berniat hendak menggantikan kerajaan itu dengan sebuah kerajaan komunis yang boleh tunduk di bawah pengaruhnya. Tetapi mujurnya, Tuhan Yang Maha Kuasa telah tidak menjayakan ikhtiar-ikhtiar dari

di dalamnya hingga meliputi ilmu-ilmu pengetahuan yang tinggi atau pun dihapuskan sahaja supaya tidak melengahkan kemajuan anak-anak kita dalam lapangan ilmu pengetahuan yang boleh didapati di dalam sekolah-sekolah Inggeris.

Saya percaya tuan-tuan nazir sekolah-sekolah Melayu tersebut yang kesemuanya daripada bangsa Melayu tidak suka bertanggungjawab dan bersubahat dalam suatu kesalahan yang akan menjadikan keturunan kita rendah dan tak bermutu.

Soal meninggikan pelajaran dalam sekolah Melayu bukan satu soal yang sukar yang tidak boleh dibuat sekarang juga. Menurut pendapat seorang nazir sekolah-sekolah Melayu, yang saya tinjau fikirannya, mengatakan bahawa tidak

pakistan sulit ini.

Daripada penyiasatan-penyiasatan yang luas dan cermat serta dari kenyataan-kenyataan 208 orang saksi dalam perbicaraan itu, maka telah pecah tembelang yang menunjukkan bahawa ahli-ahli pakatan sulit itu telah mengambil ketetapan hendak mengadakan huru hara dan menggunakan kekerasan dengan bantuan komunis dan anasir-anasir jahat bagi menumbangkan kerajaan Pakistan. Sebabnya maka pemimpin-pemimpin itu mencari pertolongan komunis ialah kerana mereka tidak mendapat sokongan rakyat jelata yang kebanyakan orang Islam. Orang-orang Islam di Pakistan adalah tidak sukakan komunisme kerana faham itu bertentangan dengan faham Islam, bahkan dengan fahaman semua agama.

Pakatan sulit di Pakistan telah menunjukkan bahawa Soviet Union bekerja khasnya negara-negara Islam. Negara-negara Islam adalah yang merdeka. Khasnya negara-negara Islam. Negara-negara Islam adalah percaya bahawa tidak ada satu bahaya lebih besar bencananya atas kebudayaan Islam dari komunisme.

Sungguhpun Soviet Russia telah tewas dalam cubaan-cubaannya di Pakistan, tetapi tidaklah bermakna yang ia akan berpeluk tubuh dan duduk diam sahaja. Oleh yang demikian, orang-orang Islam di negara-negara Islam hendaklah berjaga-jaga jangan sampai terpedaya dan dikelirukan oleh anasir-anasir jahat.

ada satu pelajaran yang diajar dalam sekolah Inggeris hingga ke darjah *school certificate*, yang tidak boleh diajar dalam bahasa Melayu dalam sekolah-sekolah Melayu yang ada sekarang.

Sekarang kita umat Melayu mesti menetapkan dari sekarang juga dan tidak boleh bertanggung-tanggung lagi apa mahu sekolah Inggeris atau Melayu! kalau mahu sekolah Inggeris tutup sahaja sekolah Melayu dan kalau mahu sekolah Melayu tutup sahaja sekolah Inggeris. Lain daripada jalan ini maknanya kita hendak menganiayakan keturunan kita, dan menjadikan mereka dalam bahasa Inggeris tak kesampaian dan dalam bahasa Melayu sebagai si buta hilang tongkat adanya.